

Udang galah 'mabuk' akibat dituba?

OM 21/02/24

m/s 30

Oleh **BADRUL HAFIZAN MAT ISA**
badrul.isa@mediamulia.com.my

PORT DICKSON: Jabatan Perikanan Negeri Sembilan menggiatkan aktiviti pemantauan dan siasatan selepas terdapat peningkatan kejadian udang galah 'mabuk' di Sungai Linggi yang didakwa berpunca daripada aktiviti menuba.

Ketua Cawangan Konservasi dan Perlindungan Perikanan Negeri Sembilan, Doreen Wee Siew Leen berkata, pihaknya mengambil serius dakwaan berkenaan dan turun padang ke tiga kawasan di sepanjang Sungai Linggi yang berlakunya kejadian udang galah 'mabuk' tersebut.

Kata beliau, tiga kawasan di Linggi itu adalah Kampung Permatang Pasir, Kampung Pengkalan Durian dan Pengkalan Kempas.

"Kami terima aduan terdapat banyak udang dan mati. Ada udang yang 'mabuk' di pinggir tebing dan penduduk yang nampak tidak melepaskan pe-



JETI Pengkalan Kempas, Linggi, Port Dickson menjadi tumpuan kaki pancing yang mahu menangkap udang galah dari Sungai Linggi. - UTUSAN/MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN

luang menyauk hasil sungai yang mempunyai harga tinggi itu.

"Penduduk memberitahu, pada bulan ini sahaja sudah empat kali kejadian udang galah 'mabuk' berlaku. Mereka khua-

ter berlakunya kejadian menuba atau meracun oleh pihak tidak bertanggungjawab.

"Bagaimanapun hasil pemerhatian ke atas udang yang diambil penduduk itu kami

dapati tidak terdapat kesan seperti dituba seperti kebiasaan iaitu matanya pecah, keadaan udang masih baik. Kami akan terus mengadakan operasi pemantauan di kawasan terlibat

khususnya," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Sementara itu, Doreen Wee berkata, pihaknya tidak menafikan kaedah menuba sering digunakan individu tidak bertanggungjawab untuk menangkap ikan dan udang ekor musim kering yang melanda.

"Ada dua punca berlakunya kejadian udang mabuk iaitu yang pertama akibat faktor meracun serta menuba dan satu lagi kemungkinan hujan terlalu lebat iaitu di kawasan Seremban dan mengalir ke Sungai Linggi menyebabkan ada perubahan keadaan air di Sungai Linggi," katanya lagi.

Kata beliau, sekiranya terbukti berlaku aktiviti menuba atau meracun ikan atau udang di perairan sungai, ia adalah suatu kesalahan di bawah Kaedah-Kaedah Perikanan (Sungai) 1976 Negeri Sembilan dan pelaku boleh didenda maksimum RM20,000 atau penjara maksimum dua tahun atau kedua-duanya sekali.